



TINDAKAN MESYUARAT JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI (JAPSU)

TARIKH: 18 NOVEMBER 2014 BIL: 3 2014/2015

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
1.3.3	Mesyuarat dimaklumkan urusan <i>viva-voce</i> dan juga <i>reviva</i> memerlukan kos yang tinggi. Sehubungan itu, kertas kerja cadangan yuran peperiksaan diasingkan daripada yuran pengajian akan dibawa oleh SRAD ke Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Universiti. Dalam kertas kerja tersebut juga dicadangkan bahawa <i>reviva</i> akan dikenakan bayaran kepada pelajar. Selain itu, mesyuarat juga dimaklumkan bahawa GST akan dikenakan kepada pelajar Pesisir dan Program Khas bermula pada bulan April 2015. Ini merupakan penetapan kerajaan, Pejabat Bendahari akan mengeluarkan pekililing pemakluman dalam masa yang terdekat.	<i>Tindakan :SRAD</i>	SRAD dalam tindakan mengumpul maklumat/perincian yuran di universiti penyelidikan lain untuk rujukan sebelum mesyuarat bersama Bendahari dan SPS diadakan.
1.3.4	Mesyuarat dimaklumkan, LPU mohon agar dipertingkatkan <i>pengambilan</i> dan <i>enrolmen</i> pelajar antarabangsa. Sehubungan itu, Pengerusi minta SRAD mengambil maklum berhubung perkara ini.	<i>Tindakan : SRAD</i>	Perbincangan awal telah diadakan bersama UTM International dan pembentangan trend enrolmen mahasiswa antarabangsa telah dibuat pada Mesyuarat JKTNCAA Bil. 9/2014. SRAD dalam proses menyediakan laporan khas inisiatif berkaitan.

1.6	Pengerusi juga membentangkan Analisa Enrolmen Pasca Siswazah, Analisa Graduan Pasca Siswazah dan Analisa GOT Pascasiswazah Mengikut Cohort Kemasukan. Fakulti diminta mengambil maklum dan melaporkan prestasi kepada mesyuarat JAPSU tiga (3) bulan sekali.	<i>Tindakan : Semua fakulti</i>	Fakulti telah mengambil maklum dan akan melaporkan kepada mesyuarat JAPSU tiga (3) bulan sekali.
1.7	Selain itu, bermula tahun 2015, Pengerusi memohon supaya wakil fakulti melaporkan kepada mesyuarat JAPSU jumlah pelajar yang telah menghantar tesis, jumlah pelajar yang sedang menunggu viva-voce dan jumlah pelajar yang sedang dalam tempoh pembedahan. Bagi PhD pula, Sekolah Pengajian Siswazah akan membentangkan statistik tersebut. Mulai tahun 2015 juga, semua penghantaran tesis sarjana di fakulti akan direkodkan di dalam sistem bagi memudahkan semakan dibuat.	<i>Tindakan : Semua fakulti & Pengerusi IT SPS</i>	Fakulti & Pengerusi IT SPS telah mengambil maklum dan akan melaporkan statistik tersebut pada tahun 2015.
5.2	Mesyuarat memutuskan supaya kelulusan permohonan pengecualian yuran bagi pelajar FKE yang bernama Muhammad Mun'im bin Ahmad Zabidi ditangguhkan untuk semakan lanjut.	<i>Tindakan : TP SPS</i>	Semakan mendapati pelajar tangguh pada semester ini. Oleh sebab itu pelajar tidak layak mendapat pengecualian yuran. Pengecualian yuran hanya untuk status aktif sahaja.
7.2	NOR AIN BINTI HUSEIN (FS) Mesyuarat meluluskan permohonan perlanjutan tempoh Notis Hantar Tesis bagi pelajar bernama Nor Ain binti Husein. AMD diminta untuk membetulkan rekod pelajar semasa Sarjana dalam sistem AIMS.	<i>Tindakan : AMD</i>	AMD telah membetulkan rekod pelajar.